


# STANDARD PROGRAM: PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK



**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**



Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel                   +603-7968 7002  
Faks                 +603-7956 9496  
Emel                akreditasi@mqa.gov.my  
Laman web        www.mqa.gov.my

© Agensi Kelayakan Malaysia 2014

ISBN:

Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

Salinan cetakan boleh didapati daripada:

Bahagian Standard

Agensi Kelayakan Malaysia

## ISI KANDUNGAN

PRAKATA	i
SINGKATAN	iii
1. PENGENALAN	1
2. MATLAMAT PROGRAM	5
3. HASIL PEMBELAJARAN	7
4. REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM	27
5. PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR	42
6. PEMILIHAN PELAJAR	48
7. STAF AKADEMIK	53
8. SUMBER PENDIDIKAN	58
9. PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM	60
10. KEPIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN	61
11. PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN	63
RUJUKAN	64
LAMPIRAN	
LAMPIRAN 1 : AHLI PANEL	65

LAMPIRAN 2 : BADAN PENGETAHUAN – LIMA BIDANG PENGETAHUAN TERAS	66
LAMPIRAN 3 : PENGETAHUAN TERAS DAN KECEKAPAN: CONTOH	79
GLOSARI	83

## **PRAKATA**

Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan pengiktirafan dalam kepentingan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) oleh ibu bapa, pendidik, usahawan dan kerajaan. Pengiktirafan ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, para penyelidik ekonomi, terutamanya Profesor James Heckman, penerima Anugerah Nobel bagi ekonomi, telah mendedahkan bahawa pelaburan dalam ECCE, terutamanya dalam kualiti ECCE, memperoleh hasil pulangan yang tinggi kerana penjimatan kos daripada pengurangan kadar keciciran sekolah, kadar jenayah yang menurun, perbelanjaan keselamatan dan penjagaan kesihatan yang rendah dan peningkatan kebolehpasaran. Kedua, dapatan kajian saintis neuro membuktikan bahawa pengalaman dalam lima tahun pertama adalah kritikal untuk perkembangan otak. Pengalaman yang tidak sesuai dan tekanan boleh mengubah struktur fizikal otak yang bukan sahaja menjejaskan pembangunan kognitif dan sosioemosi tetapi juga kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak. Bagi membolehkan kanak-kanak memperoleh ECCE yang berkualiti, pendidik awal kanak-kanak perlu berpengetahuan dan kompeten. Para pendidik mesti melalui program latihan yang berkualiti.

Permintaan yang tinggi terhadap ECCE di Malaysia dan pendidik awal kanak-kanak yang berkelayakan telah menyebabkan pertumbuhan pesat bilangan institusi pengajian tinggi yang menawarkan program-program pendidikan awal kanak-kanak. Majlis ECCE yang ditubuhkan pada 2010 di bawah Program Transformasi Ekonomi bertujuan meningkatkan profesionalisme dan kualiti industri ECCE.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) prihatin terhadap keperluan pendidik awal kanak-kanak yang berkualiti dengan menyediakan Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak. Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak menggariskan rangka kerja standard bagi pelbagai peringkat kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF): Tahap 3 (Sijil), Tahap 4 (Diploma), Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda), Tahap 7 (Ijazah Sarjana) dan Tahap 8 (Ph.D & Ed.D). Dokumen ini menggariskan pengetahuan dan kompetensi yang diperlukan oleh pendidik awal kanak-kanak yang profesional untuk menyediakan persekitaran yang merangsang, responsif, sihat dan selamat untuk tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak.

Dokumen ini juga menyediakan garis panduan bagi struktur program, pengalaman pembelajaran dan latihan profesional, penyampaian dan pentaksiran. Di samping itu, rangka kerja ini menawarkan garis panduan untuk mod pengajian yang berbeza seperti kerja kursus, penyelidikan dan kombinasi kedua-duanya. Standard program ini adalah disediakan bagi Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak, Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak, Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak, PhD, Ed.D, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) dan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak).

Dokumen ini adalah hasil daripada sumbangan besar ahli panel daripada pelbagai latar belakang. Mereka adalah gabungan pakar daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di sektor awam dan sektor swasta, industri ECCE dan Majlis ECCE. Agensi Kelayakan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada semua ahli panel atas kesungguhan, komitmen dan sumbangan mereka kepada usaha murni ini.

Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)  
2014

## **SINGKATAN**

COPIA	Kod Amalan Audit Institusi
COPPA	Kod Amalan Akreditasi Program
CPD	Pembangunan Profesional Berterusan
ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak
ECE	Pendidikan Awal Kanak-kanak
Ed.D	Doktor Falsafah Pendidikan
GGP	Garis Panduan Amalan Baik
IELTS	<i>International English Language Testing System</i>
KKM	Kerangka Kelayakan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
NGMP	Nilai Gred Mata Pelajaran
PhD	Doktor Falsafah
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SP	Standard Program
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak
TOEFL	<i>Test of English as A Foreign Language</i>

# 1. PENGENALAN

Dari lahir hingga umur 5 tahun merupakan saat yang sangat kritikal dalam kehidupan seseorang kerana sepanjang tempoh ini, asas perkembangan kanak-kanak bermula. Ahli psikologi menetapkan tempoh ini sebagai 'tahun pembentukan' untuk menandakan bermulanya asas perkembangan kanak-kanak. Pada masa kini, saintis neuro mengesahkan dakwaan ahli psikologi berkenaan 'tahun pembentukan' apabila kajian mereka mendapati bahawa semasa kelahiran terdapat 100 bilion neuron perlu dihubungkan untuk membentuk laluan saraf bagi pembangunan otak. Perhubungan ini dibentuk melalui interaksi kanak-kanak dengan orang lain dan alam sekitar di mana kualiti pembangunan otak bergantung kepada pengalaman awal. Oleh itu, trend di seluruh dunia pada masa kini adalah untuk menyediakan akses kanak-kanak kepada asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti bagi memastikan mereka mendapat permulaan hidup yang betul dan adil.

Skop Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECE) di Malaysia merangkumi asuhan dan pendidikan formal dan tidak formal dari lahir hingga enam tahun. Pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti memerlukan pendidik awal kanak-kanak yang berkualiti. Oleh itu, pendidik perlu memiliki latihan yang berkualiti dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Bagi mendapatkan pengetahuan asas dan kompetensi yang diperlukan, pendidik awal kanak-kanak perlu mendapatkan asas pengetahuan dan kompetensi tertentu. Oleh sebab lima tahun yang pertama adalah 'tahun pembentukan', Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, PhD dan Ed.D dalam ECE perlu mempunyai standard kualiti tertentu untuk diiktiraf sebagai program profesional.

Pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak merupakan bidang akademik yang baru. Pada tahun 1997, Universiti Malaya menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak yang pertama di negara ini dan diikuti oleh institusi lain seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang masing-masing menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak pada tahun 2002 dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan dalam Pendidikan Prasekolah pada tahun 2003. Sungguhpun demikian, ini tidak bermaksud program pendidikan awal kanak-kanak tidak pernah



ditawarkan sebelum 1997. Pada awal tahun 90-an, Maktab Perguruan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan kursus jangka pendek dan Sijil Pendidikan dalam ECE. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, program dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak berkembang dengan pesat. PPT awam dan swasta menawarkan Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECE) atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ada antara institusi ini turut menawarkan Ijazah Sarjana dan PhD dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Graduan yang mempunyai Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak boleh mengajar di TADIKa atau TASKA. Walau bagaimanapun, semua prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia mensyaratkan guru perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak sebagai kelayakan minimum bagi memastikan kualiti dan profesionalisme dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kerajaan menggalakkan pendidik awal kanak-kanak di sektor swasta perlu mempunyai Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak sebagai kelayakan minimum akademik. Disebabkan persaingan, TADIKa dan TASKA berkualiti mengambil bekerja graduan yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Guru siswazah yang mempunyai beberapa tahun pengalaman boleh memikul tanggungjawab sebagai pentadbir, penyelia atau pengetua TASKA atau TADIKa atau menubuhkan TASKA/TADIKa sendiri. Graduan pendidikan awal kanak-kanak boleh bekerja dalam bidang berkaitan atau sebagai penyelidik, pensyarah atau perunding untuk menubuhkan TASKA/TADIKa di syarikat yang berkaitan dengan tumbesaran, pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak.

Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak (PS: ECE) diharapkan dapat melahirkan pendidik awal kanak-kanak yang kompeten, beretika dan berkelayakan profesional di peringkat global. PS: ECE berupaya meningkatkan profesionalisme pendidik awal kanak-kanak dan membawa pendidikan awal kanak-kanak ke peringkat akademik yang lebih tinggi, seterusnya menyumbang kepada kewujudan bidang baru dalam pendidikan awal kanak-kanak, dan meningkatkan kapasiti PPT serta tahap kebolehan profesional yang lebih tinggi. Semua ini akan membawa kepada aras pencapaian baru dalam landskap pendidikan awal kanak-kanak. Asas kepada PS: ECE adalah memupuk karakter dan sifat guru seperti yang dimaktubkan oleh PPT.

PS: ECE bertujuan meningkatkan pembangunan profesional pendidik awal kanak-kanak dan meningkatkan status profesion ECE. Pelaksanaan secara efektif Standard Program akan menjana ramai pendidik awal kanak-kanak yang berkualiti bagi menyediakan kepimpinan generasi akan datang, dan menyumbang ke arah membina Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan awal kanak-kanak.

Untuk menghasilkan pendidik awal kanak-kanak yang berkualiti, Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak telah mengenal pasti **lima bidang pengetahuan teras** dan kompetensi kepada pendidik awal kanak-kanak yang profesional dan cekap iaitu:

- i. Perkembangan Kanak-kanak
- ii. Kurikulum dan Persekitaran Pembelajaran
- iii. Pentadbiran dan Pengurusan
- iv. Keluarga dan Komuniti
- v. Pembangunan Profesional

Dokumen ini menyediakan garis panduan perkara yang diperlukan bagi setiap tahap pengajian; Sijil (KKM tahap 3), Diploma (KKM tahap 4), Ijazah Sarjana Muda (KKM tahap 6), Ijazah Sarjana (KKM tahap 7) dan PhD/Ed.D (KKM tahap 8).

Bagi program ECE, pada dasarnya terdapat **dua pendekatan** iaitu:

- i. *Stand Alone*  
Contoh: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak
- ii. Pengkhususan  
Contoh: Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian*, MQA, 2012.

Standard Program ini disediakan sebagai garis panduan untuk program pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu adalah amat penting dokumen ini dibaca bersama dengan lain-lain dokumen jaminan kualiti dan dasar-dasar oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan agensi-agensinya berkaitan. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)
- ii. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
- iii. Kod Amalan Audit Institusi (COPIA)
- iv. Garis panduan amalan baik yang relevan (GGP)
- v. Standard yang relevan

## **2. MATLAMAT PROGRAM**

Matlamat dapat dijelaskan sebagai pernyataan umum hasrat pembelajaran dan pengajaran, yang merangkumi kandungan umum dan hala tuju program.

“Matlamat sesuatu program menggambarkan apa yang perlu dicapai oleh pelajar. Adalah penting matlamat ini disebar luas dengan jelas kepada pelajar dan pihak berkepentingan yang lain” (COPPA, 2010, ms.16).

### **SIJIL** (Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM Tahap 3)

Program di peringkat Sijil bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran untuk bekerja di latar persekitaran pendidikan awal kanak-kanak.

### **DIPLOMA** (KKM Tahap 4)

Matlamat program di peringkat Diploma adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi mereka untuk menjadi profesional dan bekerja di latar persekitaran pendidikan awal kanak-kanak.

### **IJAZAH SARJANA MUDA** (KKM Tahap 6)

Matlamat program di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang sewajarnya bagi membolehkan mereka menjadi pendidik awal kanak-kanak yang profesional dalam menyediakan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti.

### **IJAZAH SARJANA** (KKM Tahap 7)

Matlamat program di peringkat Ijazah Sarjana adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kompetensi bagi memperoleh kemahiran kepimpinan, keupayaan untuk menganalisis kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan isu-isu kritikal serta keupayaan untuk berkomunikasi tentang penemuan kajian kepada pihak berkepentingan.

**PhD/Ed.D (KKM Tahap 8)**

Matlamat program di peringkat PhD/Ed.D adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kompetensi yang sewajarnya bagi membolehkan mereka mengkaji, menganalisis dan menjalankan penyelidikan serta menyumbang kepada kemajuan pengetahuan, kompetensi dan etika.

### 3. HASIL PEMBELAJARAN

Hasil Pembelajaran adalah satu pernyataan terperinci yang jelas tentang pencapaian pelajar yang boleh dicapai serta dinilai pada akhir tempoh pengajian.

“Kualiti program akhirnya akan ditentukan oleh keupayaan pelajar melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diharapkan dalam masyarakat. Hal ini memerlukan satu pernyataan jelas tentang hasil pembelajaran yang diharap dicapai oleh pelajar tersebut” (COPPA, 2010, ms.15).

“Hasil pembelajaran **secara kumulatif harus mencerminkan lapan domain hasil pembelajaran** yang penting bagi Malaysia” (MQF, 2007, Perenggan 15, ms.4) dan berkaitan dengan pelbagai tahap taksonomi dan seiring dengan perkembangan nasional dan global.

Lapan domain hasil pembelajaran adalah:

- i. pengetahuan;
- ii. kemahiran praktikal;
- iii. kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- iv. nilai, sikap dan profesionalisme;
- v. kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan;
- vi. kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik dan;
- vii. kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- viii. kemahiran mengurus dan keusahawanan.

#### SIJIL

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya berkebolehan untuk:

- i. mempamerkan pengetahuan asas dan kefahaman tentang teras pengetahuan bidang;
- ii. menggunakan pengetahuan asas untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak;
- iii. menyedia dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat serta mampu memupuk pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak;

- iv. mematuhi nilai profesional, sikap dan etika;
- v. berkomunikasi dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti;
- vi. menggunakan kemahiran asas penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak;
- vii. memilih dan menggunakan maklumat untuk meningkatkan pembelajaran awal dan pembangunan sendiri; dan
- viii. mempamerkan kemahiran asas mengendalikan latar persekitaran pendidikan awal kanak-kanak.

## **DIPLOMA**

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya berkebolehan untuk:

- i. mempamerkan pengetahuan dan kefahaman tentang teras pengetahuan bidang;
- ii. menggunakan pengetahuan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak;
- iii. mencipta, menyedia dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat serta mampu memupuk pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak;
- iv. mempamerkan komitmen terhadap profesionalisme pada nilai, sikap dan etika;
- v. berkomunikasi secara efektif dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti;
- vi. menggunakan kemahiran penyelesaian masalah, refleksi diri, kemahiran saintifik dan pemikiran kreatif dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak;
- vii. mengumpul, memilih dan menggunakan maklumat untuk meningkatkan pembelajaran awal dan pembangunan sendiri; dan
- viii. mempamerkan kemahiran asas pengurusan dan keusahawanan dalam latar persekitaran pendidikan awal kanak-kanak.

## **IJAZAH SARJANA MUDA**

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya berkebolehan untuk:

- i. menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan tentang teras pengetahuan bidang;
- ii. menggunakan pengetahuan dan kefahaman untuk mencipta dan melaksanakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak;

- iii. mereka bentuk, mencipta, menyedia dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat serta mampu memupuk pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak;
- iv. mempratikkan nilai, sikap dan etika profesional;
- v. berkomunikasi secara efektif dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti;
- vi. melibatkan keluarga dan komuniti dalam meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak;
- vii. menggunakan kemahiran penyelesaian masalah, refleksi diri, kemahiran saintifik dan pemikiran kreatif dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak;
- viii. mengumpul, memilih, menganalisis dan menggunakan maklumat untuk meningkatkan pembelajaran awal dan pembangunan sendiri; dan
- ix. mempamerkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan serta responsif terhadap perubahan semasa pendidikan awal kanak-kanak.

## **IJAZAH SARJANA**

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya berkebolehan untuk:

- i. menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan tentang teras pengetahuan bidang dan memahami hubungannya dengan bidang berkaitan;
- ii. mengkritik, menganalisis dan menilai isu teras pengetahuan, trend semasa dan penemuan penyelidikan;
- iii. mempamerkan penguasaan amalan bersesuaian dengan perkembangan untuk memantau dan diteladani;
- iv. mengamal dan menjalankan penyelidikan selaras dengan nilai profesional, sikap dan etika;
- v. mempamerkan kepimpinan yang efektif dalam menggalakkan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti;
- vi. menggunakan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran saintifik, pemikiran kreatif dan refleksi kritikal untuk penyelidikan dan pemajuan profesional;
- vii. menganalisis, menggunakan dan/atau menyebarkan maklumat (termasuk penemuan penyelidikan) untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak; dan
- viii. menggunakan amalan yang terbukti baik dalam pentadbiran, pengurusan dan keusahawanan dalam bidang awal kanak-kanak.





## **PhD/Ed.D**






Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya berkebolehan untuk:



- i. menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan tentang teras pengetahuan bidang dan memahami hubungannya dengan bidang berkaitan;
- ii. menyumbang pengetahuan baru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak;
- iii. mengkritik, menganalisis dan menilai isu tentang teras pengetahuan bidang, trend semasa, idea baru dan penemuan penyelidikan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak;
- iv. berkomunikasi secara efektif kepada rakan sebaya, komuniti ilmiah dan masyarakat umum melalui penerbitan dan lain-lain media;
- v. membangunkan penguasaan pengetahuan untuk melibatkan diri dan berwacana dengan ahli akademik dan pemimpin dalam masyarakat;
- vi. mengamalkan dan menjalankan penyelidikan selaras dengan nilai, sikap dan etika secara profesional;
- vii. membangunkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan, berperingkat dan kumulatif untuk pembangunan profesional dan menyumbang kepada komuniti ilmiah;
- viii. menganalisis, menggunakan dan/atau menyebarkan maklumat (termasuk penemuan kajian) untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak; dan
- ix. menggunakan amalan yang terbukti baik, idea baru dan penemuan penyelidikan semasa dalam pentadbiran, pengurusan dan keusahawanan dalam latar persekitaran awal kanak-kanak dan bidang berkaitan.

**PEMETAAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM KEPADA LAPAN DOMAIN HASIL  
PEMBELAJARAN KKM**





**SIJIL**





Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO1	mempamerkan pengetahuan asas dan kefahaman tentang teras pengetahuan bidang								
LO2	menggunakan pengetahuan asas untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak								


Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO3	menyedia dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat serta mampu memupuk pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak								
LO4	mematuhi nilai profesional, sikap dan etika								
LO5	berkomunikasi dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti								
LO6	menggunakan kemahiran asas penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-								

Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
	kanak								
LO7	memilih dan menggunakan maklumat untuk meningkatkan pembelajaran awal dan pembangunan sendiri								
LO8	mempamerkan kemahiran asas mengendalikan latar persekitaran pendidikan awal kanak-kanak								





## DIPLOMA

Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO1	mempamerkan pengetahuan dan kefahaman tentang teras pengetahuan bidang								
LO2	menggunakan pengetahuan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak								
LO3	mencipta, menyedia dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat serta mampu memupuk pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak								






Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO4	mempamerkan komitmen terhadap profesionalisme pada nilai, sikap dan etika								
LO5	berkomunikasi secara efektif dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti								
LO6	menggunakan kemahiran penyelesaian masalah, refleksi diri, kemahiran saintifik dan pemikiran kreatif dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak								
LO7	mengumpul, memilih dan menggunakan maklumat untuk meningkatkan								



Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
	pembelajaran awal dan pembangunan sendiri								
LO8	mempamerkan kemahiran asas pengurusan dan keusahawanan dalam latar persekitaran pendidikan awal kanak-kanak								

## IJAZAH SARJANA MUDA





Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO1	menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan tentang teras pengetahuan bidang								
LO2	menggunakan pengetahuan dan kefahaman untuk mencipta dan melaksanakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak								
LO3	mereka bentuk, mencipta, menyedia dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat serta mampu memupuk pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak								









Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO4	mempraktikkan nilai, sikap dan etika profesional								
LO5	berkomunikasi secara efektif dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti								
LO6	melibatkan keluarga dan komuniti dalam meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak								
LO7	menggunakan kemahiran penyelesaian masalah, refleksi diri, kemahiran saintifik dan pemikiran kreatif dalam pengasuhan dan								

Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
	pendidikan awal kanak-kanak								
LO8	mengumpul, memilih, menganalisis dan menggunakan maklumat untuk meningkatkan pembelajaran awal dan pembangunan sendiri								
LO9	mempamerkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan serta responsif terhadap perubahan semasa pendidikan awal kanak-kanak								






**IJAZAH SARJANA**





Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO1	menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan tentang teras pengetahuan bidang dan memahami hubungannya dengan bidang berkaitan								
LO2	mengkritik, menganalisis dan menilai isu teras pengetahuan, trend semasa dan penemuan penyelidikan								
LO3	mempamerkan penguasaan amalan bersesuaian dengan perkembangan untuk memantau dan diteladani								



Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO4	mengamal dan menjalankan penyelidikan selaras dengan nilai profesional, sikap dan etika								
LO5	mempamerkan kepimpinan yang efektif dalam menggalakkan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti								
LO6	menggunakan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran saintifik, pemikiran kreatif dan refleksi kritikal untuk penyelidikan dan pemajuan professional								

Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO7	menganalisis, menggunakan dan/atau menyebarkan maklumat (termasuk penemuan penyelidikan) untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak								
LO8	menggunakan amalan yang terbukti baik dalam pentadbiran, pengurusan dan keusahawanan dalam bidang awal kanak-kanak								


PhD/Ed.D

Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO1	menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan tentang teras pengetahuan bidang dan memahami hubungannya dengan bidang berkaitan								
LO2	menyumbang pengetahuan baru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak								
LO3	mengkritik, menganalisis dan menilai isu tentang teras pengetahuan bidang, trend semasa, idea baru dan penemuan penyelidikan dalam bidang pendidikan								

Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
	awal kanak-kanak								
LO4	berkomunikasi secara efektif kepada rakan sebaya, komuniti ilmiah dan masyarakat umum melalui penerbitan dan lain-lain media								
LO5	membangunkan penguasaan pengetahuan untuk melibatkan diri dan berwacana dengan ahli akademik dan pemimpin dalam masyarakat								
LO6	mengamalkan dan menjalankan penyelidikan selaras dengan nilai, sikap								

Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Sainifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
	dan etika secara profesional								
LO7	membangunkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan, berperingkat dan kumulatif untuk pembangunan profesional dan menyumbang kepada komuniti ilmiah								
LO8	menganalisis, menggunakan dan/atau menyebarkan maklumat (termasuk penemuan kajian) untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak								



Hasil Pembelajaran Program / Domain Hasil Pembelajaran KKM		Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial	Nilai, Sikap dan Profesionalisme	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan	Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Kemahiran Saintifik	Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan
LO9	menggunakan amalan yang terbukti baik, idea baru dan penemuan penyelidikan semasa dalam pentadbiran, pengurusan dan keusahawanan dalam latar persekitaran awal kanak-kanak dan bidang berkaitan								

## **4. REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM**

“Istilah ‘reka bentuk dan penyampaian kurikulum’ digunakan secara bertukar ganti dengan istilah ‘reka bentuk dan penyampaian program’. ‘Program’ bermaksud susunan modul yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan” (COPPA, 2010, ms.18).

Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) digalakkan untuk membangunkan program yang mencerminkan amalan baik semasa dan mencapai standard yang lebih tinggi. Latihan industri adalah penting dalam membina kematangan dan pengalaman pelajar. Oleh itu, PPT perlu menyediakan unit minimum bagi memenuhi tujuan tersebut dengan formula 1 kredit = 8 jam sehari (termasuk perancangan, penyediaan dan refleksi) selama 2 minggu.

### **BADAN PENGETAHUAN**

Komponen utama dalam sistem pembangunan profesional adalah pembinaan sebuah badan pengetahuan teras, yang dikenal pasti sebagai satu set kandungan bidang yang membantu menetapkan pengetahuan semua pengamal yang bekerja dalam latar persekitaran pendidikan awal kanak-kanak.

Kompetensi teras adalah kompetensi yang berkait dengan teras pengetahuan bidang yang perlu dikuasai oleh pendidik awal kanak-kanak untuk membantu pembelajaran dan pembangunan dan bergandingan dengan keluarga dan komuniti.

#### **i. Bidang Pengetahuan Teras**

Semua bidang pengetahuan teras yang diperlukan oleh pendidik awal kanak-kanak boleh dibahagikan kepada lima bidang pengetahuan teras iaitu:

- a. Perkembangan Kanak-kanak
- b. Kurikulum dan Persekitaran Pembelajaran
- c. Pentadbiran dan Pengurusan
- d. Keluarga dan Komuniti
- e. Pembangunan Profesional

Walaupun penggunaan bidang pengetahuan teras seperti di atas adalah penting, namun Standard Program memperakui bahawa terdapat cara lain untuk mengkonsepsikan badan pengetahuan teras dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pengenalan ringkas kepada lima bidang pengetahuan teras adalah seperti berikut:

a. Perkembangan Kanak-kanak

Perkembangan kanak-kanak adalah teras kepada pendidikan awal kanak-kanak. Pendidik awal kanak-kanak memerlukan pengetahuan yang mantap dalam tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak untuk merancang dan mereka bentuk persekitaran yang selamat, sihat dan merangsang perkembangan pengalaman yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Mereka juga memerlukan pengetahuan dan kompetensi untuk memerhati dan mentaksir pertumbuhan, kemajuan, minat dan tingkah laku serta perkara yang memerlukan perhatian untuk menilai keberkesanan aktiviti, program dan interaksi serta merancang dan melaksanakan aktiviti susulan untuk kanak-kanak yang memerlukan lebih perhatian. Di samping itu, pendidik awal kanak-kanak perlu mengetahui teknik dan strategi yang positif untuk membimbing kanak-kanak bermasalah sosial dan emosi. Oleh itu, terdapat tiga subjek di bawah teras perkembangan kanak-kanak, iaitu:

- Tumbesaran dan Perkembangan
- Pemerhatian dan Pentaksiran
- Bimbingan Kanak-kanak

b. Kurikulum dan Persekitaran Pembelajaran

Kurikulum dan persekitaran pembelajaran teras merangkumi pelbagai subjek. Selain teori dan prinsip awal pembelajaran dan pembentukan persekitaran fizikal dan pembelajaran untuk meningkatkan keselamatan dan menggalakkan pembelajaran, teras ini juga meliputi bahasa, komunikasi dan literasi, matematik awal, sains dan teknologi, pengajian sosial, seni kreatif, kesihatan, keselamatan dan nutrisi, nilai kerohanian dan nilai moral serta keperluan khas. Oleh itu, subjek dalam teras ini terdiri daripada:

- Pembelajaran dan Persekitaran Awal

- Perancangan dan Pembangunan Kurikulum
- Bahasa, Komunikasi dan Literasi
- Matematik Awal
- Sains dan Teknologi Awal
- Pengajian Sosial
- Seni Kreatif (muzik, gerakan, seni dan kraf, dan drama)
- Kerohanian dan Nilai Moral
- Kesihatan, Keselamatan dan Nutrisi
- Keperluan Khas (termasuk yang berbakat)

c. Pentadbiran dan Pengurusan

Tadbir urus yang baik adalah penting dalam latar persekitaran awal kanak-kanak. TASKA atau TADIKA yang diurus dan ditadbir dengan baik adalah mematuhi peraturan dan mempunyai program pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti, beroperasi dengan betul, melaksanakan perancangan kewangan dan pengurusan sumber manusia yang baik. Tambahan lagi, pengurusan yang berjaya mampu mereka bentuk persekitaran pembelajaran dan iklim organisasi yang selamat dan mengikut perkembangan yang bersesuaian. Kefahaman tentang keusahawanan adalah diperlukan untuk memastikan kelestarian operasi. Teras ini terdiri daripada dua subjek iaitu:

- Pentadbiran dan Pengurusan
- Perancangan dan Pembangunan Program

d. Keluarga dan Komuniti

Pendidik awal kanak-kanak yang profesional perlu mengetahui bahawa ibu bapa adalah pendidik utama dan ahli keluarga terdekat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kanak-kanak. Kanak-kanak berkembang dalam konteks keluarga mereka dan komuniti yang pelbagai etnik, kepercayaan agama dan budaya. Nilai kemasyarakatan, kebudayaan, ketersediaan perkhidmatan dan persekitaran komuniti boleh memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, pendidik awal kanak-kanak perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melibatkan keluarga dan komuniti dalam program

pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Teras ini terdiri daripada dua subjek, iaitu:

- Perkongsian bersama Keluarga
- Perkongsian bersama Komuniti

e. **Pembangunan Profesional**

Teras pembangunan profesional menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan teras dan kompetensi yang diperoleh untuk dipraktikkan dan membantu kanak-kanak membina asas kehidupan yang kukuh untuk tumbesaran dan perkembangan masa depan. Pendidik awal kanak-kanak juga perlu mempamerkan profesionalisme dalam semua kerja mereka yang melibatkan usaha untuk pembangunan dan perkembangan profesional yang berterusan, mempamerkan tabiat kerja yang profesional dan mematuhi kod etika profesional. Kod Etika adalah berasaskan sikap, kepercayaan, nilai dan perspektif yang diterima oleh organisasi profesional pendidikan awal kanak-kanak untuk membantu ahlinya memahami perbezaan antara yang betul dan salah serta menggunakannya untuk membuat keputusan. Teras ini terdiri daripada dua subjek, iaitu:

- Profesionalisme
- Latihan Profesional

Rujuk **Lampiran 2**.

ii. **Teras Kompetensi**

Pengetahuan tentang konsep, prinsip, teori dan sebagainya adalah penting tetapi pengetahuan sahaja tidak mencukupi untuk membolehkan seseorang menjadi pendidik awal kanak-kanak yang cekap dan berkesan. Mereka mesti mempunyai keupayaan untuk menterjemah pengetahuan kepada amalan. Oleh itu, kompetensi bagi setiap topik pada setiap tahap kelayakan perlu dikenal pasti untuk membolehkan pelajar menterjemahkannya kepada amalan melalui pengalaman pembelajaran seperti berikut:

- kerja amali
- kerja makmal
- simulasi

- pengalaman lapangan

Rujuk **Lampiran 3**.

### **iii. Nilai**

Profesion awal kanak-kanak, seperti juga profesion lain, mempunyai satu set sikap, kepercayaan, nilai dan perspektif yang membezakan ahli-ahli dalam satu kumpulan. Antaranya ialah:

- Semua kanak-kanak memiliki keupayaan.
- Profesional, peribadi dan tabiat kerja termasuk rasa hormat, kerahsiaan, menghargai semua kanak-kanak, memupuk imaginasi, kreativiti dan main, sensitiviti dan responsif kepada kepelbagaian etnik, budaya, kepercayaan agama dan nilai yang mencerminkan kepercayaan peribadi dan tanggungjawab.
- Perhubungan - sama ada dengan kanak-kanak, keluarga, komuniti dan rakan-rakan adalah penting kepada pendidikan awal kanak-kanak.
- Peringkat perkembangan yang bersesuaian, bermakna, relevan dan kurikulum bersepadu menyediakan kanak-kanak cara terbaik untuk belajar, membesar dan berkembang.

### **iv. Penyampaian**

Kaedah penyampaian perlu diselaraskan dengan perjalanan semester dan tahap pengajian. PPT mesti memastikan bahawa setiap cadangan kaedah penyampaian mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Prestasi kaedah penyampaian bagi setiap kursus dinilai untuk memastikan keberkesannya dalam mencapai hasil pembelajaran.

Bagi membolehkan pendidik/pengamal awal kanak-kanak menggunakan pengetahuan yang diperoleh untuk menyediakan pengalaman yang bersesuaian untuk perkembangan kanak-kanak, kursus ini perlu menyediakan aktiviti praktikal yang mencukupi (iaitu pengalaman pembelajaran) untuk pelajar mengamalkan kemahiran dan memperoleh kompetensi yang diperlukan.

**v. Penilaian**

Penilaian perlu mengandung penilaian sumatif dan formatif.

## STRUKTUR DAN PENYAMPAIAN PROGRAM

Bahagian ini dalam Standard Program mengandungi pernyataan yang berkaitan dengan struktur dan penyampaian program dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Matrik dalam bahagian ini mewakili keperluan minimum yang diperlukan bagi setiap tahap kelayakan. Keperluan spesifik dan maklumat terperinci tentang lima bidang pengetahuan teras disediakan di **Lampiran 2**.

<b>SIJIL</b>		
<b>Kredit Bergraduad Minimum – 60</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Wajib (Modul Umum* dan Modul PPT)	12 – 15	7 – 9
Modul Teras (Umum dan Disiplin)	75 – 82	45 – 49
Latihan Profesional**	7 – 10	4 – 6
Jumlah	100	60

\*7 – 9 kredit seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Pendidikan Malaysia.

\*\* Sekurang-kurangnya 2 kredit diperuntukkan untuk TASKA (pusat asuhan) dan 2 kredit untuk TADIKA (prasekolah/tadika) yang tidak boleh dijalankan secara berturut-turut untuk memberi masa kepada refleksi diri.

### **Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Kuliah
- ii. Tutorial
- iii. Demonstrasi
- iv. Kerja praktikal
- v. Simulasi (seperti lakon peranan, pengajaran mikro/khas)
- vi. Kerja makmal
- vii. Pengalaman lapangan
- viii. Pembentangan
- ix. Projek / Kerja kumpulan



**Cadangan tatanama:**

- i. Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak

<b>DIPLOMA</b>		
<b>Kredit Bergraduata Minimum – 90</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Wajib (Modul Umum* dan Modul PPT)	10 – 17	9 – 15
Modul Teras (Umum dan Disiplin)	67 – 94	60 – 85
Modul Elektif	0 – 7	0 – 6
Latihan Profesional**	7 – 9	6 – 8
Jumlah	100	90

\*9 – 11 kredit seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

\*\* Sekurang-kurangnya 3 kredit diperuntukkan untuk pusat jagaan (TASKA) dan 3 kredit untuk prasekolah/tadika yang tidak patut dijalankan secara berturut-turut bagi memastikan tambahan masa untuk refleksi diri.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Kuliah
- ii. Tutorial
- iii. Demonstrasi
- iv. Kerja praktikal
- v. Simulasi (seperti lakon peranan, pengajaran mikro/khas)
- vi. Kerja makmal
- vii. Pengalaman lapangan
- viii. Pembentangan
- ix. Projek / Kerja kumpulan
- x. Kajian kes

**Cadangan tatanama:**

- i. Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak

<b>IJAZAH SARJANA MUDA</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 120</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Wajib (Modul Umum* dan Modul PPT)	10 – 15	12 – 18
Modul Teras (Umum dan Disiplin)	64 – 90	77 – 108
Modul Elektif	5 – 10	6 – 12
Latihan Profesional**	7 – 9	8 – 12
Jumlah	100	120

\*12 – 14 kredit seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

\*\* Sekurang-kurangnya 4 kredit diperuntukkan untuk pusat jagaan (TASKA) dan 4 kredit untuk prasekolah/tadika yang tidak patut dijalankan secara berturut-turut bagi memastikan tambahan masa untuk refleksi diri.

**Nota:**

Bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak), minimum 42 kredit daripada Modul Teras mesti diperuntukkan untuk pengkhususan.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Kuliah
- ii. Tutorial
- iii. Demonstrasi
- iv. Kerja praktikal
- v. Simulasi (seperti lakon peranan, pengajaran mikro/khas)
- vi. Kerja makmal
- vii. Pengalaman lapangan
- viii. Pembentangan
- ix. Pembelajaran berasaskan masalah
- x. Projek / Kerja kumpulan
- xi. Kajian kes
- xii. Konferen Audio /video
- xiii. Webinar

**Cadangan tatanama:**

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- ii. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)

<b>IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 40</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Teras (Umum dan Disiplin)	50 – 60	20 – 24
Modul Elektif	15 – 45	6 – 18
Projek Ilmiah	15 – 30	6 – 12
Jumlah	100	40

**Nota:**

- i. Komponen kerja kursus hendaklah termasuk kursus teori dan metodologi penyelidikan.
- ii. Panjang laporan projek disyorkan tidak melebihi 15,000 patah perkataan.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Kuliah
- ii. Tutorial (pelajar pascasiswazah mengaudit kelas teori dan metodologi penyelidikan)
- iii. Seminar
- iv. Kelas praktikal
- v. Kerja makmal
- vi. Lawatan lapangan
- vii. Kajian kes
- viii. Pembelajaran berasaskan masalah
- ix. Pembelajaran campuran
- x. Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh

**Cadangan tatanama:**

- i. Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- ii. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)

<b>IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 40</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Teras* (Umum dan Disiplin)	40 – 50	16 – 20
Disertasi	50 – 60	20 – 24
Jumlah	100	40

\*termasuk metodologi penyelidikan

**Nota:**

- i. Komponen kerja kursus mesti merangkumi kursus teori dan kursus metodologi penyelidikan.
- ii. Nisbah kerja kursus kepada disertasi ialah 50:50 atau 40:60.
- iii. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi disertasi ialah 20,000 dan 30,000, berdasarkan nisbah 50:50 dan 40:60.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Kuliah
- ii. Seminar / Kolokium
- iii. Kajian kes
- iv. Kerja makmal
- v. Pengalaman lapangan
- vi. Pembentangan
- vii. Pembelajaran berasaskan masalah
- viii. Projek / Kerja kumpulan
- ix. Konferen Audio/Video
- x. Webinar

**Cadangan tatanama:**

- i. Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- ii. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)

<b>IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Disertasi	100	Tiada nilai kredit diberikan

**Nota:**

- i. Calon telah mengikuti kursus metodologi penyelidikan.
- ii. Syarat-syarat berikut mesti ditetapkan oleh PPT:
  - a. Kursus prasyarat yang relevan
  - b. Tempoh maksimum pengajian calon
  - c. Format disertasi
- iii. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi disertasi tidak melebihi 60,000.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Seminar / Kolokium
- ii. Pengalaman lapangan
- iii. Konsultansi / Penyeliaan
- iv. Webinar

**Cadangan tatanama:**

- i. Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak
- ii. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)

PhD SECARA MOD CAMPURAN Kredit Bergraduat Minimum – 80		
Komponen	Peratusan (%)	Kredit
Modul Teras* (Umum dan Disiplin)	30-40	24-32
Tesis	60-70	48-56
Jumlah	100	80

\*termasuk metodologi penyelidikan

**Nota:**

- i. Komponen kerja kursus mesti merangkumi kursus teori dan kursus metodologi penyelidikan.
- ii. Nisbah kerja kursus kepada projek ilmiah/tesis ialah 40:60 atau 30:70.
- iii. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi tesis ialah 60,000 dan 70,000, berdasarkan nisbah 40:60 dan 30:70.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Kuliah
- ii. Seminar / Kolokium
- iii. Kerja makmal
- iv. Kajian kes
- v. Pengalaman lapangan
- vi. Pembentangan
- vii. Pembelajaran berasaskan masalah
- viii. Projek / Kerja kumpulan
- ix. Seminar Audio /video
- x. Webinar

**Cadangan tatanama:**

- i. PhD

<b>PhD SECARA PENYELIDIKAN</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Tesis	100	Tiada nilai kredit diberikan

**Nota:**

- i. Calon telah mengikuti kursus metodologi penyelidikan.
- ii. Syarat-syarat berikut mesti ditetapkan oleh PPT:
  - a. Kursus prasyarat yang relevan
  - b. Tempoh maksimum pengajian calon
  - c. Format tesis
- iii. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi tesis tidak melebihi 100,000.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Seminar / Kolokium
- ii. Pengalaman lapangan
- iii. Konsultasi / Penyeliaan
- iv. Webinar

**Cadangan tatanama:**

- i. PhD

<b>Ed.D (AWAL KANAK-KANAK) Kredit bergraduat minimum – 80</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Teras* (Umum dan Disiplin)	40 – 50	32 – 40
Tesis	50 – 60	40 – 48
Jumlah	100	80

\*termasuk metodologi penyelidikan

**Nota:**

- i. Komponen kerja kursus mesti merangkumi kursus teori dan kursus metodologi penyelidikan.
- ii. Nisbah kerja kursus kepada tesis ialah 50:50 atau 40:60.
- iii. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi tesis ialah 50,000 dan 60,000, berdasarkan nisbah 50:50 dan 40:60.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- i. Kuliah
- ii. Seminar / Kolokium
- iii. Kerja makmal
- iv. Kajian kes
- v. Pengalaman lapangan
- vi. Pembentangan
- vii. Pembelajaran berasaskan masalah
- viii. Projek / Kerja kumpulan
- ix. Seminar Audio/video
- x. Webinar

**Cadangan tatanama:**

- i. Doktor Pendidikan (Ed.D )



## 5. PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR

“Penilaian pelajar merupakan satu aspek yang cukup penting dalam jaminan kualiti disebabkan ia mampu mendorong pembelajaran. Ia merupakan salah satu langkah yang amat berguna untuk menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran. Hasil penilaian ini juga merupakan asas penganugerahan kelayakan. Justeru, kaedah penilaian pelajar perlulah jelas, konsisten, berkesan, dipercayai serta selari dengan amalan-amalan terkini dan mesti secara jelas membantu pencapaian hasil pembelajaran” (COPPA, 2010, ms.22).

Kaedah penilaian bergantung kepada keperluan khusus setiap modul. Namun, sebagai panduan umum, perkara-perkara berikut dicadangkan:

- i. Gabungan pelbagai kaedah penilaian harus digunakan bagi mengukur pencapaian hasil pembelajaran.
- ii. Penilaian sumatif dan formatif patut digunakan.
- iii. Pengetahuan dan kefahaman terhadap kandungan kursus dan kemahiran praktikal harus dinilai menerusi penulisan, lisan atau kaedah lain yang bersesuaian.
- iv. Kemahiran insaniah perlu dianalisis melalui elemen seperti gaya, identiti peribadi, keyakinan serta kualiti inovasi dan kreativiti.
- v. Dalam penilaian berterusan dan penilaian akhir, calon dikehendaki memperoleh status lulus secara keseluruhan. Status lulus menunjukkan pemeriksa berpuas hati bahawa calon telah mencapai kesemua hasil pembelajaran dalam subjek tertentu.

Untuk Ijazah Sarjana dan PhD **secara Penyelidikan sahaja**:

- i. Penilaian formatif mesti merangkumi:
  - a. Pemantauan kemajuan penyelidikan secara berkala (contohnya, melalui laporan kemajuan atau pembentangan cadangan). Ini akan menilai pengetahuan dan kemahiran calon dalam pemikiran kritikal, praktikal, teknikal, profesional, saintifik, dan penyelesaian masalah.

- b. Pembentangan penyelidikan/kolokium/seminar/ bengkel. Ini akan meningkatkan kemahiran calon dalam komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, kemahiran organisasi, pembelajaran sepanjang hayat dan profesionalisme.
- ii. Penilaian sumatif digunakan untuk menilai semua hasil pembelajaran program Sarjana, dan mesti merangkumi:
- penyelesaian semua kursus yang telah ditetapkan;
  - disertasi; dan
  - viva voce.
- iii. Penilaian sumatif digunakan untuk menilai semua hasil pembelajaran program PhD, dan mesti merangkumi:
- penyelesaian semua kursus yang telah ditetapkan;
  - tesis; dan
  - viva voce.

Jenis penilaian yang dinyatakan di bawah adalah **contoh sahaja**. PPT digalakkan menggunakan pelbagai kaedah dan instrumen yang bersesuaian untuk mengukur hasil pembelajaran dan kompetensi.

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN FORMATIF (%)	PENILAIAN SUMATIF (AKHIR) (%)	
Sijil	70 – 80	20 – 30	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Penilaian Praktikal</li> <li>• Penilaian/Pembentangan Lisan</li> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan Digital)</li> </ul>

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN FORMATIF (%)	PENILAIAN SUMATIF (AKHIR) (%)	
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek</li> <li>• Berasaskan Prestasi</li> </ul>
Diploma	40 – 70	30 – 60	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Penilaian Praktikal</li> <li>• Penilaian/Pembentangan Lisan</li> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan Digital)</li> <li>• Projek</li> <li>• Berasaskan Prestasi</li> </ul>
Ijazah Sarjana Muda	40 – 70	30 – 60	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Penilaian Praktikal</li> <li>• Penilaian/ Pembentangan Lisan</li> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan Digital)</li> <li>• Projek / Kerja Lapangan / Khidmat Masyarakat</li> <li>• Berasaskan Prestasi</li> </ul>
Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus	30 – 70	30 – 70	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Seminar dan Lain-lain Pembentangan</li> <li>• Kertas Projek</li> </ul>

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN FORMATIF (%)	PENILAIAN SUMATIF (AKHIR) (%)	
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan Digital)</li> <li>• Berasaskan Prestasi</li> </ul>
Ijazah Sarjana secara Mod Campuran	30 – 70	30 – 70	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Seminar dan Lain-lain Pembentangan</li> <li>• Disertasi</li> <li>• <i>Viva Voce</i></li> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan Digital)</li> <li>• Berasaskan Prestasi</li> </ul>
Ijazah Sarjana secara Penyelidikan	-	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Pembentangan Seminar</li> <li>• Disertasi</li> <li>• <i>Viva Voce</i></li> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan Digital)</li> </ul>
PhD Secara Mod Campuran	70	30	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Seminar dan Lain-lain Pembentangan</li> <li>• Tesis</li> <li>• <i>Viva Voce</i></li> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan</li> </ul>

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN FORMATIF (%)	PENILAIAN SUMATIF (AKHIR) (%)	
			Digital) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berasaskan Prestasi</li> </ul>
PhD secara Penyelidikan	-	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seminar dan Lain-lain Pembentangan/Kolokium</li> <li>• Tesis</li> <li>• <i>Viva Voce</i></li> </ul>
Ed.D	70	30	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Bertulis</li> <li>• Seminar dan Lain-lain Pembentangan</li> <li>• Tesis</li> <li>• <i>Viva Voce</i></li> <li>• Portfolio (Digital dan Bukan Digital)</li> <li>• Berasaskan Prestasi</li> </ul>

Mata pelajaran yang ditawarkan dalam pendidikan awak kanak-kanak boleh dikategorikan berasaskan kemahiran, teori dan kombinasi kedua-duanya. Bagi sesetengah mata pelajaran berasaskan kemahiran, kemungkinan tidak ada penilaian akhir (100% penilaian berterusan).

Nota:

Komposisi pemeriksa disertasi / tesis adalah seperti berikut:

- i. Ijazah Sarjana secara Mod Campuran  
Disertasi wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa.
- ii. Ijazah Sarjana secara Penyelidikan  
Disertasi wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa, salah seorangnya pemeriksa luar.
- iii. PhD secara Mod Campuran / Ed.D (Awal Kanak-kanak)  
Tesis wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya 2 pemeriksa, 1 daripadanya ialah pemeriksa luar.
- iv. PhD secara Penyelidikan  
Tesis wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya tiga orang pemeriksa, dua daripadanya ialah pemeriksa luar.

## **6. PEMILIHAN PELAJAR**

Bahagian ini dalam dokumen Standard Program adalah berkaitan pengambilan pelajar ke setiap program pengajian. Secara umum, dasar kemasukan program perlu mematuhi dasar semasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Terdapat perbezaan pandangan tentang kaedah terbaik pemilihan pelajar. Namun, apa jua kaedah yang digunakan, pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mestilah berupaya untuk mempertahankan ketekalannya. Bilangan pelajar yang bakal diterima masuk ke sesuatu program ditentukan oleh kapasiti PPT berkenaan dan bilangan pemohon yang berkelayakan. Dasar kemasukan dan pengekalan pelajar sesebuah PPT itu tidak harus dikompromi semata-mata kerana hasrat PPT untuk mengekalkan bilangan pengambilan pelajar yang tertentu. Sekiranya PPT itu mengendalikan beberapa kampus yang berbeza lokasinya, atau sekiranya sesuatu program itu merupakan program yang dikendalikan secara kerjasama, pemilihan dan penempatan semua pelajar mestilah konsisten dengan dasar kebangsaan” (COPPA, 2010, ms.24).

Standard untuk pengambilan pelajar digubal berpandukan polisi generik pengajian tinggi negara berkaitan keperluan minimum pengambilan pelajar. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mesti mengambil kira dasar-dasar tertentu yang terpakai kepada institusi pengajian masing-masing.

Standard minimum adalah seperti berikut:

### **SIJIL**

- i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 1 kredit dalam mana-mana mata pelajaran atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- ii. Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 2 dan lulus SPM.

### **DIPLOMA**

- i. Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kredit dalam mana-mana mata pelajaran atau yang setaraf dengannya;  
ATAU

- ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam mana-mana mata pelajaran atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya gred *Maqbul*;  
ATAU
- iv. Lulus SKM tahap 3 dalam Pengasuhan Awal Kanak-kanak/Prasekolah dan lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 1 kredit dalam mana-mana mata pelajaran;  
ATAU
- v. Sijil dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- vi. Sijil atau yang setaraf dengannya.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 500 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 5.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus kecekapan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan bahasa pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dijalankan melalui proses penilaian.

#### **IJAZAH SARJANA MUDA**

- i. Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam mana-mana dua mata pelajaran atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- ii. Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya gred *Jayyid* ;  
ATAU
- iii. Lulus Matrikulasi/Asasi atau setaraf dengannya;  
ATAU
- iv. Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- v. Diploma atau yang setaraf dengannya.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 500 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan



skor 5.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus kecekapan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan bahasa pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dijalankan melalui proses penilaian.

#### **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS**

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.50 atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.50 atau yang setaraf dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT DAN 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak;  
ATAU
- iii. Ijazah Sarjana Muda dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.50 atau yang setaraf dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT DAN Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak/4 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak;  
ATAU
- iv. Ijazah Sarjana Muda yang tidak mencapai PNGK 2.50 atau yang setaraf dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT boleh diterima masuk tertakluk kepada sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak berserta penilaian dalaman yang rapi.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 600 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 6.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus kecekapan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan bahasa pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dijalankan melalui proses penilaian.

#### **IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN DAN SECARA PENYELIDIKAN**

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.75 atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dengan sekurang-kurangnya

PNGK 2.75 atau yang setaraf dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT DAN Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak/3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak;

ATAU

- iii. Ijazah Sarjana Muda dengan sekurang- kurangnya PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75 atau yang setaraf dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT DAN Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak/3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi;

ATAU

- iv. Ijazah Sarjana Muda yang tidak mencapai PNGK 2.50 atau yang setaraf dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT DAN Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak/7 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 600 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 6.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus kecekapan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan bahasa pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dijalankan melalui proses penilaian.

#### **PhD SECARA MOD CAMPURAN, PENYELIDIKAN DAN Ed.D**

- i. Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf denganya;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan atau yang setaraf denganya, seperti yang diterima oleh Senat PPT DAN Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak/3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak.;  
ATAU
- iii. Kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana, seperti yang diterima oleh Senat PPT DAN Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak/5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 600 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan

skor 6.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus penguasaan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dilakukan melalui proses penilaian.

**Nota untuk PhD secara penyelidikan sahaja:**

- i. Tiada kemasukan terus daripada tahap Ijazah Sarjana Muda ke tahap PhD.
- ii. Walau bagaimanapun, calon dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang mendaftar untuk program Ijazah Sarjana, boleh memohon untuk menukar pendaftaran pengajian ke program PhD.
- iii. Permohonan penukaran pengajian mesti dilakukan dalam tempoh 1 tahun selepas calon mendaftar program Ijazah Sarjana.
- iv. Kelulusan permohonan tertakluk kepada ketetapan berikut:
  - a. telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap PhD
  - b. penilaian dalaman rapi oleh PPT
  - c. mendapat kelulusan Senat PPT

## **7. STAF AKADEMIK**

“Kualiti staf akademik adalah salah satu komponen yang amat penting dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi. Oleh itu, segala usaha perlulah diambil bagi memastikan dasar berhubung pengambilan staf yang tepat dan berkesan, perkhidmatan, pembangunan dan penilaian tenaga akademik yang kondusif terhadap produktiviti staf” (COPPA, 2010, ms.29).

Memandangkan pengalaman yang bersesuaian pada peringkat awal formatif kanak-kanak adalah penting, staf akademik perlu memiliki pengalaman bekerja dalam latar persekitaran awal kanak-kanak.

### **SIJIL**

Kelayakan staf akademik

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak;  
ATAU
- ii. Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak (Program ini tidak seharusnya mengambil staf lebih daripada 30% dalam kategori ini);  
ATAU
- iii. Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak (Berkelayakan untuk mengajar kelas praktikal sahaja dan program ini tidak seharusnya mengambil staf lebih daripada 20% dalam kategori ini).

Nisbah staf akademik

- i. Sepenuh masa dan separuh masa – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa

Nisbah staf-pelajar

- i. Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:30

## **DIPLOMA**

Kelayakan staf akademik

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya seorang staf *major* dalam perkembangan kanak-kanak/psikologi pendidikan/psikologi dengan sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak (Program ini tidak seharusnya mengambil staf lebih daripada 20% dalam kategori ini);  
ATAU
- iii. Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak (Program ini tidak seharusnya mengambil staf lebih daripada 20% dalam kategori ini).

Nisbah staf akademik

- i. Sepenuh masa dan separuh masa – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa

Nisbah staf-pelajar

- i. Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:25

## **IJAZAH SARJANA MUDA**

Kelayakan staf akademik

- i. Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak atau setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak (Sekurang-kurangnya seorang staff *major* dalam perkembangan kanak-kanak/ psikologi pendidikan/psikologi);  
ATAU

- iii. Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak (Program ini tidak seharusnya mengambil staf lebih daripada 20% dalam kategori ini);

Nisbah staf akademik

- i. Sepenuh masa dan separuh masa – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa

Nisbah staf-pelajar

- i. Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:15

**IJAZAH SARJANA**

Kelayakan staf akademik/penyelia

- i. Ph.D/Ed.D (pengkhususan dalam pendidikan awal kanak-kanak);  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau sebagai penyelia bersama;
- iii. Kriteria tambahan adalah tertakluk kepada kelulusan Senat PPT.

Kelayakan Penyelia

- i. Apabila terdapat hanya seorang penyelia, penyelia tersebut mesti merupakan staf sepenuh masa di PPT yang menganugerahkan ijazah.
- ii. Apabila terdapat lebih daripada seorang penyelia, penyelia utama mesti merupakan staf sepenuh masa di PPT yang menganugerahkan ijazah.

Nisbah staf akademik

- i. Sepenuh masa dan separuh masa – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa

Nisbah staf-pelajar

- i. Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:10

Nisbah penyelia-pelajar

- i. Nisbah keseluruhan penyelia-pelajar – 1:10 (secara kerja kursus dan mod campuran)
- ii. Nisbah keseluruhan penyelia-pelajar – 1:7 (secara penyelidikan)

### **PhD/Ed.D**

Kelayakan staf akademik

- i. PhD/Ed.D dengan sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau sebagai penyelia bersama.
- ii. Jika staf tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan, kriteria tambahan termasuk pengalaman pengajaran, penyelidikan dan penyeliaan secara meluas tertakluk kepada kelulusan Senat PPT.

Nisbah staf-pelajar

- i. Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:10

Nisbah penyelia-pelajar

- i. Nisbah keseluruhan penyelia-pelajar – 1:5

### **Pembangunan Staf**

Staf akademik adalah penting dalam penyampaian program yang berkualiti dan melaksanakan pengajaran dengan berkesan, serta menghasilkan graduan yang layak untuk bekerja dan diterima oleh industri. Sebagai industri yang dinamik dan dipengaruhi secara global, staf akademik perlu seiring dengan perubahan persekitaran global. Oleh itu, PPT perlu memastikan semua staf akademik perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka.

PPT harus menyediakan program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) sekurang-kurangnya 40 jam (bersamaan dengan tujuh hari) melibatkan latihan yang berkaitan dalam setahun atau penyertaan atau penglibatan dalam bidang kepakaran masing-masing untuk memenuhi:

- i. Pembangunan profesional untuk staf sepenuh masa.
- ii. Kemahiran pengajaran dan pembelajaran terkini.
- iii. Kemahiran penyelidikan dan penyeliaan terkini.
- iv. Sangkutan industri (jika diperlukan oleh PPT).

- v. Penyelidikan, perundingan dan penglibatan dalam khidmat masyarakat.



## 8. SUMBER PENDIDIKAN

“Sumber pendidikan yang secukupnya adalah perlu untuk menyokong segala kegiatan pengajaran-pembelajaran sesuatu program. Sumber ini termasuk kewangan, kepakaran, infrastruktur fizikal, teknologi maklumat dan komunikasi, dan kemudahan penyelidikan. Kemudahan fizikal sesuatu program biasanya ditentukan oleh keperluan sesuatu bidang pengajian” (COPPA, 2010, ms.32).

Untuk program Pendidikan Awal Kanak-kanak, PPT dikehendaki menyediakan kemudahan bagi memenuhi keperluan pembelajaran berpusatkan pelajar. Sumber pendidikan merangkumi:

- i. Kemudahan fizikal yang sesuai, selamat dan mencukupi
  - a. Bilik kuliah
  - b. Bilik tutorial
  - c. Bengkel serbaguna
  - d. Makmal/bilik komputer
  - e. Bilik pengajaran mikro
  - f. Ruang pembelajaran
  - g. Kemudahan rekreasi dan sukan
  
- ii. Bilik simulasi dilengkapi dengan perabot yang sesuai dan mencukupi (contohnya saiz kerusi dan meja kanak-kanak), bahan dan alatan untuk pelajar meniru atau membuat latihan situasi sebenar.
  
- iii. Perpustakaan yang dilengkapi dengan
  - a. Buku teks dan buku rujukan yang mencukupi, relevan dan terkini
  - b. Jurnal
  - c. Sumber dalam talian (contoh: buku, jurnal elektronik, majalah dan dokumen)
  - d. Perkhidmatan yang sesuai dan tidak terhad kepada
    - Perkhidmatan rujukan
    - Pusat pertukaran pinjaman sumber
    - Perkhidmatan rujukan elektronik

- iv. Pusat sumber dengan bantuan pengajaran dan pembelajaran
- v. Ruang kerja bagi pelajar pascasiswazah
- vi. Akses kepada perkhidmatan sokongan, seperti
  - Khidmat kaunseling
  - Program pengenalan/orientasi
  - Khidmat perubatan dan kesihatan
- vii. Kewujudan dan ketersediaan TADIKA dan TASKA **berdaftar**\* untuk pengalaman pembelajaran, praktikum dan *internship*.

\* Mesti mengemukakan kesahihahan kerjasama antara TADIKA dan TASKA berdaftar dengan PPT dalam menjalankan praktikum dan *internship*.

## **9. PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM**

“Penambahbaikan kualiti menuntut agar program sering dipantau, disemak dan dinilai. Kegiatan ini mencakupi memantau, menyemak dan menilai struktur dan proses institusi (struktur pentadbiran, kepimpinan dan governan, mekanisme perancangan dan semakan), komponen kurikulum (sukatan pelajaran, kaedah pengajaran, hasil pembelajaran), di samping kemajuan, prestasi dan kebolehpasaran pelajar” (COPPA, 2010, ms.36).

Peningkatan kualiti program memerlukan maklum balas daripada pelbagai pihak seperti pelajar, staf akademik, penilai luar dan pihak berkepentingan lain.

Penilaian prestasi pelajar termasuklah skor pentaksiran, kadar kelulusan peperiksaan, kejayaan dan kadar keciciran dan laporan pelajar tentang pengalaman pembelajaran mereka. Maklum balas pelajar secara formal dan tidak formal dan perwakilan jawatankuasa program dapat menyediakan maklumat yang berguna bagi peningkatan berterusan.

Penilaian dan Semakan Program dijalankan oleh jawatankuasa program dan penilai luar. Jawatankuasa program melaksanakan semakan berkala dan penilaian kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran. Penilai luar menilai program melalui prestasi pelajar, analisis program dan temu bual bersama pelajar dan staf.

Maklum balas daripada pihak berkepentingan seperti alumni, majikan, badan profesional, rakan industri dan ibu bapa membantu dalam meningkatkan kualiti program. PPT harus melibatkan pihak berkepentingan secara teratur dan sistematik untuk mendapatkan maklum balas. PPT boleh menggunakan analisis data melalui kajian pengesanan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

## **10. KEPIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN**

“Terdapat pelbagai cara mentadbir sesebuah Institusi Pendidikan dan kaedah pengurusannya berbeza antara Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Walaupun begitu, governan yang mencerminkan kepimpinan sesebuah organisasi pendidikan mestilah menumpukan penekanan ke atas aspek kecemerlangan dan keserjanaan. Di peringkat jabatan, adalah amat penting bagi kepimpinan menyediakan garis panduan dan hala tuju yang jelas di samping membina perhubungan antara pelbagai kumpulan berdasarkan semangat keserakanan dan ketelusan, mengurus kewangan dan sumber-sumber lain dengan penuh tanggungjawab dan mengadakan perkongsian bersama pihak berkepentingan utama dalam bidang penyampaian, penyelidikan serta perundingan pendidikan. Kepimpinan jabatan hendaklah sentiasa mencurahkan dedikasi dalam segala usaha akademik dan keserjanaan. Walaupun ikatan yang formal dapat menjamin dan mempertahankan hubungan-hubungan sebegini, ia paling berkesan dibangunkan melalui satu budaya hubungan timbal balik permuafakatan dan komunikasi terbuka” (COPPA, 2010, ms.38).

Dalam program ini, kepimpinan akademik merujuk kepada individu yang berkelayakan dan sesuai untuk menjalankan pemantauan kurikulum dan semakan yang diperlukan.

Pemimpin program harus menunjukkan pengetahuan, profesionalisme dan nilai etika yang baik semasa bekerja.

Keperluan kepimpinan standard program ini adalah melengkapinya Bidang 8 dalam dokumen COPPA. Oleh itu, jawatan kepimpinan program (misalnya, Ketua Jabatan, Ketua Program atau Penyelaras) yang ditawarkan pada tahap yang berbeza dalam institusi mesti sebaik-baiknya memenuhi kelayakan dan pengalaman berikut:

### **SIJIL DAN DIPLOMA**

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak atau setaraf dengannya dengan 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak.

### **IJAZAH SARJANA MUDA**

Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak.

### **IJAZAH SARJANA dan Ph.D / Ed.D**

Ph.D atau Ed.D dengan pengkhususan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak atau yang setaraf dengannya dengan 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang awal kanak-kanak.

### **AHLI LEMBAGA PENGAJIAN**

PPT perlu menyediakan Lembaga Pengajian yang berwibawa bagi memulakan dan menyusun semula program Pendidikan Awal Kanak-kanak. Lembaga Pengajian hendaklah terdiri daripada ahli akademik dan wakil pelajar dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak serta pengamal dalam industri pendidikan awal kanak-kanak.

## **11. PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN**

“Tuntutan masyarakat terhadap akauntibiliti PPT terus meningkat. Keperluan terus berubah, disebabkan kemajuan dalam sains dan teknologi dan ledakan pertumbuhan pengetahuan global yang semakin pantas serta luas tersebar. Dalam menghadapi segala cabaran ini, PPT tidak mempunyai pilihan selain menjadi organisasi pendidikan dinamik yang perlu secara sistematik dan berterusan, memantau dan mengkaji pelbagai isu demi merealisasikan segala tuntutan persekitaran yang sentiasa berubah ini” (COPPA, 2010, ms.41).

PPT dikehendaki membuktikan keupayaan mereka seiring dengan perubahan dalam bidang dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan. Ini boleh ditunjukkan melalui, tetapi tidak terhad kepada:

- i. semakan kurikulum dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun kecuali program pada peringkat Sijil yang disemak semula sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun;
- ii. proses pentaksiran kualiti oleh penilai luar yang pakar dalam bidang yang berkaitan;
- iii. hubungan dengan jabatan, agensi, badan profesional dan industri yang berkaitan;
- iv. semakan terhadap kesesuaian dan keberkesanan latihan yang disediakan oleh jabatan, agensi, badan profesional dan industri yang berkaitan kepada staf dan pelajar;
- v. sesi dialog bersama pihak berkepentingan sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun;
- vi. penyertaan aktif staf akademik dalam persidangan, seminar, bengkel dan kursus jangka pendek yang berkaitan;
- vii. pembentangan oleh penceramah tempatan atau antarabangsa; dan
- viii. penganjuran persidangan, seminar dan bengkel.

## RUJUKAN

Agensi Kelayakan Malaysia (2007). Kerangka Kelayakan Malaysia – KKM. Petaling Jaya, Malaysia.

Agensi Kelayakan Malaysia (2008). Kod Amalan Akreditasi Program – COPPA. Petaling Jaya, Malaysia.

Agensi Kelayakan Malaysia (2012). Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum. Petaling Jaya, Malaysia.

Centre for the Study of Child Care Employment, Institute for Research on Labour and Employment, University of California at Berkeley (2007). *Early Childhood Educator Competencies: A Literature Review of Current Best Practices*. Berkeley, California.

Council of Educational Research, Ministry of Education, New Zealand (2003). *Characteristics of Professional Development Linked to Enhanced Pedagogy and Children's Learning in Early Childhood Settings: Best Evidence Synthesis*. Wellington, New Zealand.

National Association for the Education of Young Children (2009). *NAEYC Standards for Early Childhood Professional Preparation Programs*. Washington DC, United States.

Ohio Professional Development Network (2008). *Ohio's Early Childhood Core Knowledge & Competencies*. Columbus, Ohio.

Urban, Mathias (2011). *Competence Requirements for Early Childhood Education and Care – Final Report (A study for the European Commission Directorate-General for Education and Culture)*. [http://www.academia.edu/967922/Competence Requirements in Early Childhood Education and Care CORE – Final Report](http://www.academia.edu/967922/Competence_Requirements_in_Early_Childhood_Education_and_Care_CORE_-_Final_Report)

## SENARAI AHLI PANEL

NO.	NAMA	ORGANISASI
1.	Saedah Siraj (Prof. Dr.) -Pengerusi	Universiti Malaya
2.	Bustam Kamri (Prof. Dr.)	Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)
3.	Chiam Heng Keng (Datuk Dr.)	Early Childhood Care and Education (ECCE) Council
4.	Irene Leow Kim Choo (Dr.)	Seri Mawar Child Care and Development Centre
5.	Nordin Mamat (Dr.)	Universiti Pendidikan Sultan Idris



## **BADAN PENGETAHUAN – Lima Bidang Pengetahuan Teras**

Topik-topik yang disenaraikan dalam Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana adalah asas penting yang mesti dipelajari tetapi tidak terhad. PPT diberi kebebasan untuk menambah topik-topik lain atau menambah pengetahuan dan kompetensi di bawah setiap topik.

Topik-topik yang disenaraikan dalam Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD/Ed.D mungkin mempunyai persamaan tetapi kompetensi pendidik awal kanak-kanak adalah berlainan pada tahap kelayakan yang berbeza. Tahap kelayakan yang lebih tinggi merangkumi pengetahuan dan kompetensi tahap kelayakan sebelumnya tetapi konsep yang diajar adalah pada peringkat yang lebih tinggi.

### **1) PERKEMBANGAN KANAK-KANAK**

<b>Bil</b>	<b>Bidang</b>	<b>Topik</b>
1	Tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prinsip, Tumbesaran dan Perkembangan</li><li>• Domain Perkembangan</li><li>• Teori Tumbesaran dan Perkembangan</li><li>• Faktor yang Mempengaruhi Tumbesaran, Perkembangan dan Pembelajaran seperti:<ul style="list-style-type: none"><li>○ Biologikal dan psiko-sosial</li><li>○ Main</li><li>○ Keluarga</li><li>○ Pengalaman masa awal kanak-kanak</li></ul></li></ul>
2	Pemerhatian dan Pentaksiran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Definisi, Konsep dan Kepentingan Pemerhatian</li><li>• Kaedah Pemerhatian</li><li>• Konsep Pentaksiran</li><li>• Dokumentasi dan Pengumpulan Pentaksiran/Data Maklumat</li><li>• Penggunaan Data Pentaksiran</li></ul>

Bil	Bidang	Topik
3	Bimbingan Kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas dan Teori untuk Membimbing Kanak-kanak</li> <li>• Strategi dan Teknik untuk Menggalakkan Kesejahteraan Emosi dan Sosial Kanak-kanak</li> <li>• Membimbing Tingkah Laku yang Mencabar</li> </ul>

## 2) KURIKULUM DAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN

Bil	Bidang	Topik
1	Pembelajaran Awal dan Persekitaran Awal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip dan Teori Pembelajaran Awal</li> <li>• Pengasuhan Bayi dan Tatih</li> <li>• Pedagogi/Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Awal Kanak-kanak</li> <li>• Jenis Persekitaran Pembelajaran dan Kesan Terhadap Tumbesaran, Perkembangan dan Pembelajaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Persekitaran fizikal</li> <li>○ Persekitaran dalaman dan luaran</li> <li>○ Persekitaran sosio-emosi</li> </ul> </li> <li>• Prinsip, Teori dan Teknik Merancang, Mereka Bentuk dan Mencipta Persekitaran yang Kondusif, Selamat dan Sihat</li> <li>• Prinsip dan Teknik dalam Merancang dan Melaksanakan Aktiviti Pembelajaran termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Penjadualan</li> <li>○ Keseimbangan pelbagai jenis aktiviti (contohnya aktiviti dalaman dan luaran, aktiviti tenang dan aktif, dan aktiviti individu dan kumpulan)</li> </ul> </li> </ul>

Bil	Bidang	Topik
		<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Rutin dan transisi</li> <li>○ Transisi</li> <li>○ Suasana emosi terhadap pembelajaran</li> <li>• Sumber: Peralatan dan Bahan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Peralatan dan bahan yang meningkatkan pembelajaran, rasa ingin tahu, penerokaan, kreativiti, kemahiran berfikir, dan kemahiran meyelesaikan masalah</li> <li>○ Kreatif menggunakan bahan-bahan, terutamanya bahan buangan/kitar semula bahan untuk menggalakkan kreativiti, menghargai persekitaran dan penyelesaian masalah.</li> <li>○ ICT sebagai alat sokongan</li> <li>○ Prinsip penyesuaian peralatan dan bahan-bahan keperluan khas</li> </ul> </li> </ul>
2	Perancangan dan Pembangunan Kurikulum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip Utama dan Model Perancangan dan Pembangunan Kurikulum</li> <li>• Teknik dalam Pembangunan Plan Kerja</li> <li>• Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dan Kursus Penjagaan Awal Kanak-kanak PERMATA serta lain-lain Kurikulum Kontemporari</li> <li>• Prinsip-prinsip Integrasi Bidang Kurikulum, khususnya Pemetaan Tema</li> <li>• Teknik untuk Mentaksir dan Mengubah Suai Aktiviti-aktiviti untuk Memenuhi Keperluan Individu</li> </ul>
3	Bahasa, Komunikasi dan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Celik Bahasa dan Perlakuan dalam</li> </ul>

Bil	Bidang	Topik
	Literasi	<p>Percakapan, Pendengaran, Bacaan dan Penulisan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip dan Teori yang Berkaitan dengan Bahasa, Komunikasi dan Pembelajaran Awal Literasi</li> <li>• Teori Kurikulum Bersepadu untuk Bahasa, Komunikasi dan Literasi</li> <li>• Pendekatan dan Strategi Pembelajaran Bahasa, Komunikasi dan Literasi</li> </ul>
4	Awal Matematik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pranombor dan Konsep dan Kemahiran Awal Matematik yang Asas</li> <li>• Teknik dan Strategi Merancang, Mencipta dan Melaksana Pembelajaran Matematik yang Bermakna, termasuk Awal Matematik dalam Rutin Harian/Kehidupan</li> </ul>
5	Awal Sains dan Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep dan Kemahiran Utama Sains (contoh - pemerhatian, perbandingan, jangkakan dan rakaman)</li> <li>• Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Awal Sains</li> <li>• Penggunaan ICT untuk Kanak-kanak</li> </ul>
6	Pengajian Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep dan Kemahiran Utama Sains Sosial (Geografi, Ekonomi, Sejarah, Governan Politik, Sivik dan Kewarganegaraan)</li> <li>• Kepentingan Pengajian Sosial untuk Kanak-kanak</li> <li>• Teknik dan Strategi Pengajaran Pengajian Sosial dalam Latar</li> </ul>

Bil	Bidang	Topik
		Persekitaran Kanak-kanak
7	Seni Kreatif (muzik, pergerakan, seni dan kraf, dan drama)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skop dan Maksud Seni Kreatif</li> <li>• Konsep Asas Kreativiti, Estetika dan Luahan Kreatif</li> <li>• Kaedah Pembangunan Kreativiti, Penghargaan Estetika dan Seni.</li> <li>• Aktiviti untuk Mempromosikan Kreativiti dan Penghargaan Estetika dan Seni</li> <li>• Strategi bagi Melaksanakan Kurikulum Seni Kreatif untuk Kanak-kanak</li> <li>• Teknik Pentaksiran</li> <li>• Teknik dalam Pengubahsuaian Kurikulum dan Aktiviti untuk Kanak-kanak Berkeperluan Khas</li> </ul>
8	Kerohanian dan Nilai Moral	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Utama untuk Pendidikan Kerohanian dan Moral</li> <li>• Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kerohanian dan Nilai Moral</li> <li>• Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan, Bermakna dan Sesuai untuk Kehidupan Sehari-hari</li> </ul>
9	Kesihatan, Keselamatan dan Nutrisi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Kesihatan, Dasar, Peraturan Dan Prinsip Yang Menggalakkan Amalan Kesihatan Yang Baik. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Dasar kesihatan, peraturan &amp; akta, dan prosedur operasi standard (contoh, pengendalian makanan, pengelolaan ubat-ubatan)</li> <li>○ Amalan kesihatan</li> <li>○ Prinsip untuk menggalakkan</li> </ul> </li> </ul>

Bil	Bidang	Topik
		<p>kesihatan fizikal, mental dan sosial yang baik</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesihatan Fizikal <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Polisi dan prosedur terhadap isu kesihatan fizikal (seperti mengurus cecair, contohnya, darah)</li> <li>○ Menjalankan rutin pemeriksaan fizikal</li> <li>○ Penyakit umum kanak-kanak dan penyakit berjangkit</li> <li>○ Teknik mencegah dan mengawal penyakit berjangkit</li> <li>○ Pentadbiran ubat</li> <li>○ Bahaya dalam hidangan makanan (contoh, alah dan tercekik)</li> <li>○ Cara hidup sihat</li> <li>○ Krisis kesihatan kanak-kanak berkeperluan khas</li> </ul> </li> <li>• Perkembangan Fizikal <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kepentingan perkembangan motor kasar dan halus serta kesan terhadap domain perkembangan lain</li> <li>○ Merancang dan melaksana pelbagai aktiviti fizikal dalaman dan luaran untuk menggalakkan perkembangan</li> <li>○ Menyesuaikan aktiviti perkembangan fizikal kepada kanak-kanak berkeperluan khas</li> <li>○ Pentaksiran tentang keberkesanan dan kesesuaian aktiviti untuk perkembangan fizikal dalam memenuhi keperluan individu kanak-kanak</li> </ul> </li> </ul>

Bil	Bidang	Topik
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesihatan Mental <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Konsep kesihatan mental dan masalah kesihatan mental kanak-kanak yang umum.</li> <li>○ Kesan kesihatan mental (termasuk stress) ke atas tumbesaran, perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.</li> <li>○ Tanda dan simptom</li> <li>○ Teknik untuk mengurus kanak-kanak bermasalah kesihatan mental</li> <li>○ Cara mempromosi kesihatan dan kesejahteraan mental.</li> <li>○ Sumber tempatan untuk membantu kanak-kanak bermasalah kesihatan mental dan keluarga</li> </ul> </li> <li>• Keselamatan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Konsep, prinsip, dasar dan perundangan</li> <li>○ Prosedur operasi standard (SOP) untuk keselamatan dan SOP untuk kecemasan (termasuk kecederaan)</li> <li>○ Keselamatan dan bahaya dalam hidangan makanan (contoh, alahan dan tercekik)</li> <li>○ Plan kecemasan, persediaan dan tindak-balas</li> <li>○ Dasar negara untuk perlindungan kanak-kanak</li> <li>○ Tanda dan simptom penderaan fizikal dan seksual</li> <li>○ Langkah-langkah keselamatan</li> </ul> </li> <li>• Keperluan Nutrisi Kanak-kanak</li> </ul>

Bil	Bidang	Topik
		<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Polisi, perundangan dan garis panduan</li> <li>○ Penyediaan /hidangan makanan dan snek yang menunjukkan diet pemakanan seimbang berdasarkan pelan yang disediakan oleh professional</li> <li>○ Makanan untuk kanak-kanak dengan keperluan diet khas</li> <li>○ Tabiat pemakanan sihat</li> <li>○ Pentaksiran kesihatan nutrisi</li> <li>○ Indikasi fizikal terhadap kekurangan nutrisi</li> <li>○ Pengalaman pembelajaran yang mengajar kanak-kanak tentang nutrisi yang baik</li> </ul>
10	Berkeperluan Khas (termasuk yang pintar cerdas)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas Pendidikan Khas</li> <li>• Pengesanan</li> <li>• Intervensi Awal dan Sokongan</li> <li>• Strategi Perancangan dan Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Hak kanak-kanak berkeperluan khas</li> <li>○ Prinsip asas untuk mengubah suai aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak berkeperluan khas</li> <li>○ Strategi inklusif kanak-kanak berkeperluan khas</li> <li>○ Plan pendidikan individu</li> </ul> </li> <li>• Akomodasi dan Adaptasi Persekitaran Pembelajaran <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Keperluan pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas</li> </ul> </li> </ul>



Bil	Bidang	Topik
		<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Konsep persekitaran kurang kekangan untuk kanak-kanak berkeperluan khas</li> <li>● Modifikasi dan Adaptasi Aktiviti</li> </ul>

### 3) PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

Bil	Bidang	Topik
1	Pentadbiran dan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Standard Pengawalseliaan seperti <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308)</li> <li>○ Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)</li> <li>○ Akta Kanak-Kanak 2001</li> <li>○ Akta Makanan 2011</li> </ul> </li> <li>● Garis Panduan seperti <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Garis Panduan Penubuhan TASKA dan TADIKA</li> <li>○ Garis Panduan Diet Malaysia</li> </ul> </li> <li>● Operasi <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Jenis Rakaman dan sistem rakaman</li> <li>○ Prosedur operasi standard (SOP)</li> <li>○ Penyelenggaraan kemudahan organisasi</li> </ul> </li> <li>● Perancangan Kewangan dan Pengurusan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Konsep perniagaan pendidikan awal kanak-kanak</li> <li>○ Prinsip perancangan belanjawan</li> <li>○ Simpan kira</li> <li>○ Teknik dan strategi pemasaran</li> <li>○ Pengurusan risiko</li> </ul> </li> <li>● Keusahawanan</li> </ul>

Bil	Bidang	Topik
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan Staf <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pengurusan sumber manusia</li> <li>○ Pembangunan professional</li> </ul> </li> </ul>
2	Perancangan dan Pembangunan Program	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip dan Model untuk Perancangan dan Pembangunan Program</li> <li>• Perundangan dan Peraturan Berkaitan Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak, termasuk Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan Kursus Permata Awal Kanak-Kanak</li> <li>• Program Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Berkualiti <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Falsafah pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak</li> <li>○ Pendekatan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak</li> <li>○ Amalan baik berasaskan bukti</li> <li>○ Standard kualiti untuk TASKA dan prasekolah/TADIKA</li> </ul> </li> <li>• Prinsip Penjadualan Bilik Darjah dan Taman Permainan Kanak-kanak serta Prinsip Penjadualan Staf dan Delegasi Tugas</li> <li>• Analisis Keperluan dan Pentaksiran untuk Peningkatan Program yang Berterusan</li> </ul>

#### 4) KELUARGA DAN KOMUNITI

Bil	Bidang	Topik
1	Permuafakatan dengan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetahui dan Menghormati Ibu Bapa</li> <li>• Komunikasi Berkesan               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Jenis-jenis komunikasi (lisan dan bukan lisan)</li> <li>○ Kemahiran mendengar</li> <li>○ Strategi dan teknik untuk (i) mendapatkan maklumat mengenai kanak-kanak dan (ii) melaporkan kemajuan dan perkembangan kanak-kanak</li> <li>○ Timbal balik pertukaran maklumat</li> <li>○ Teknik perundingan dan pemujukan bagi situasi sukar</li> <li>○ Sensitiviti terhadap budaya, agama dan kepelbagaian sosio-ekonomi</li> </ul> </li> <li>• Strategi dan Teknik untuk Memulakan dan Mengekalkan Penglibatan Keluarga</li> </ul>
2	Pemuafakatan dengan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Model Perkongsian Pintar</li> <li>• Strategi dan Teknik Kolaborasi yang Berkesan</li> <li>• Sumber-Sumber dalam Komuniti               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Diri dan keluarga</li> <li>○ Penggunaan untuk memperluas dan memperkaya pembelajaran kanak-kanak</li> </ul> </li> </ul>

## 5) PEMBANGUNAN PROFESIONAL

No	Subject Area	Topics
1	Profesionalisme	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Profesionalisme dalam Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Merangkumi:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Imej dan sikap profesional</li> <li>○ Tabiat bekerja secara professional</li> <li>○ Keahlian dalam organisasi profesional yang berkaitan dengan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak</li> </ul> </li> <li>• Pertumbuhan dan Pembangunan Profesional yang Meliputi:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Peningkatan pengetahuan dan kompetensi</li> <li>○ Misi atau matlamat jangka pendek dan jangka panjang</li> <li>○ Perancangan laluan kerjaya</li> </ul> </li> <li>• Integriti dan Kod Etika Profesional bagi Pendidik Awal Kanak-kanak</li> <li>• Advokasi               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pelbagai bentuk advokasi</li> <li>○ Komitmen terhadap pengasuhan awal kanak-kanak dan pendidikan prasekolah</li> <li>○ Penyertaan dalam advokasi (contohnya, untuk akses kepada kualiti pengasuhan awal kanak-kanak dan pendidikan prasekolah, pengiktirafan pendidikan awal kanak-kanak sebagai satu profesion, dan polisi dan perundangan pendidikan awal kanak-kanak)</li> </ul> </li> </ul>

No	Subject Area	Topics
2	Amalan Profesional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidik Awal Kanak-kanak yang Berkesan dan Kompeten <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pengetahuan dan kecekapan</li> <li>○ Menterjemahkan ilmu kepada tingkah laku dan amalan</li> <li>○ Latihan refleksi dan penyeliaan yang merangkumi pendengaran aktif, merujuk masalah dan kemusykilan kepada penyelia/staf berkaitan dan menggunakan maklum balas untuk memperbaiki amalan</li> </ul> </li> <li>• Persediaan Pengajaran Termasuk Rancangan Pengajaran, Aktiviti Organisasi dan Persekitaran Pembelajaran</li> <li>• Amalan Profesional</li> <li>• Bekerja dengan Rakan Sekerja, Penyelia dan Staf di Pusat Latihan</li> </ul>

## PENGETAHUAN TERAS DAN KECEKAPAN: Contoh

### Subjek – Tumbesaran dan Perkembangan

Topik	Pengetahuan/ Kecekapan	Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak	Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak
<b>Teori Tumbesaran dan Perkembangan</b>	Pengetahuan	i. Asas kepada teori: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Piaget</i></li> <li>• <i>Vygotsky</i></li> <li>• <i>Erikson</i></li> <li>• <i>Maslow</i></li> <li>• <i>Teori Ekologi Bronfenbrenner's</i></li> </ul>	i. Teori asas kepada Pendidikan Awal Kanak-kanak: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Piaget</i></li> <li>• <i>Vygotsky</i></li> <li>• <i>Erikson</i></li> <li>• <i>Maslow</i></li> <li>• <i>Teori Ekologi Bronfenbrenner's</i></li> </ul>	i. Beberapa teori utama dalam kategori berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Psikoanalitik</li> <li>• Kognitif</li> <li>• Kognitif Tingkahlaku dan Sosial</li> <li>• <i>Ethological</i></li> <li>• Ekologi</li> <li>• Orientasi Teori Elektik</li> </ul>	i. Kekuatan dan batasan teori utama berkenaan tumbesaran dan perkembangan.  ii. Penemuan penyelidikan mengenai teori tumbesaran dan perkembangan.

Topik	Pengetahuan/ Kecekapan	Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak	Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak
				ii. Teori dari timur mengenai tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak.	
	Kecekapan	i. Menghuraikan ciri-ciri utama kelima-lima teori.  ii. Mengaplikasikan pengetahuan daripada kelima-lima teori untuk memahami kanak-kanak dan merancang serta melaksanakan aktiviti untuk pertumbuhan,	i. Menjelaskan kepentingan kelima-lima teori ini dalam membimbing guru-guru dalam merancang dan melaksanakan pengalaman/aktiviti, mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif dan berinteraksi dengan kanak-kanak	i. Menghuraikan ciri-ciri penting setiap teori untuk aspek penjagaan, tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak.  ii. Memilih dan menggunakan teori yang sesuai sebagai asas untuk merancang,	i. Menganalisis kekuatan dan batasan teori utama tumbesaran dan perkembangan serta pengaplikasiannya untuk memahami, merancang dan melaksanakan pengalaman bersama kanak-

Topik	Pengetahuan/ Kecekapan	Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak	Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak
		perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.	<p>bagi memudahcara tumbesaran, perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.</p> <p>ii. Mengaplikasikan pengetahuan daripada kelima-lima teori dalam merancang dan melaksanakan pengalaman serta berinteraksi dengan kanak-kanak untuk memupuk perkembangan emosi yang sihat dan tingkah-laku yang</p>	<p>membuat keputusan dan melaksanakan amalan.</p> <p>iii. Menilai pelbagai teori untuk digunakan bagi memupuk perkembangan emosi yang sihat dan tingkah-laku yang diterima masyarakat.</p> <p>iv. Mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi daripada penilaian pelbagai</p>	<p>kanak.</p> <p>ii. Melaksanakan amalan berdasarkan kefahaman mantap tentang teori tumbesaran dan perkembangan serta pengetahuan penyelidikan yang menyeluruh dalam bidang.</p>



<b>Topik</b>	<b>Pengetahuan/ Kecekapan</b>	<b>Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak</b>	<b>Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak</b>	<b>Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak</b>	<b>Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak</b>
			diterima masyarakat.	teori untuk berinteraksi dengan kanak-kanak bagi meningkatkan perkembangan sosio-emosi.	

## **GLOSARI**

- 1) Kajian kes  
Penerokaan deskriptif atau analisis penjelasan tentang individu, kumpulan, institusi atau peristiwa yang digunakan untuk meneroka sebab-musabab bagi menemukan prinsip-prinsip pendasar.
- 2) Kerja amali  
Merangkumi semua jenis aktiviti praktikal kepada para pelajar untuk mendapatkan pengalaman, pengamatan perhubungan, mengaplikasi pengetahuan dan sebagainya.
- 3) Latihan profesional  
Suatu tempoh dalam program apabila para pelajar dikehendaki ditempatkan di TASKA (pusat jagaan kanak-kanak) dan TADIKA (prasekolah) berdaftar untuk mendapatkan pengalaman persekitaran kerja sebenar. Istilah seperti praktikum atau latihan industri boleh digunakan.
- 4) Makmal  
Bilik/ruang di mana pengalaman praktikal diperolehi melalui pemerhatian terhadap kanak-kanak, pembinaan bahan-bahan/peralatan, menjalankan eksperimen sains, mencuba pelbagai idea, dan sebagainya.
- 5) Pembelajaran awal  
Suatu proses kompleks dan dinamik di mana kanak-kanak berumur di bawah 6 tahun mendapatkan pengetahuan dan kompetensi melalui interaksi dengan individu lain dan persekitaran.
- 6) Pengalaman lapangan  
Lawatan ke tempat/program khas untuk

mendapatkan pengalaman hidup sebenar/pengalaman praktikal bagi meningkatkan kefahaman pelajar dalam pengajian akademik dan sebagai persediaan kerjaya sebagai pendidik awal kanak-kanak.

- 7) Pengalaman Pembelajaran Proses pembelajaran melalui pemerhatian dan interaksi yang membawa kepada eksperimentasi dengan ilmu pengetahuan, menzahirkan bahan dan persekitaran, mencari makna dan membuat penemuan.
- 8) Pengasuh Seseorang yang bekerja/dilantik oleh pengusaha untuk menyediakan khidmat asuhan kepada kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak.
- 9) Persekitaran awal Persekitaran fizikal, sosial dan emosi di mana kanak-kanak berinteraksi dengan orang lain, bahan-bahan dan peralatan dalam semua latar persekitaran termasuk rumah dan masyarakat.
- 10) Simulasi Imitasi aksi/situasi dalam dunia sebenar.
- 11) TADIKA (Prasekolah) Tempat (di institusi, tempat kerja atau komuniti) yang menyediakan pengalaman awal untuk tumbesaran, perkembangan dan pembelajaran untuk kanak-kanak di peringkat umur 4-6 tahun.
- 12) TASKA (Pusat Jagaan Kanak-kanak) Tempat (di institusi, tempat kerja atau komuniti) kanak-kanak di bawah umur 4 tahun menerima asuhan alternatif yang disediakan oleh pengasuh.
- 13) Webinar Persidangan web interaktif yang

membolehkan seorang pembentang dan khalayak berkomunikasi melalui mesej teks atau audio dan diilustrasikan melalui slaid dalam talian dan/atau papan putih elektronik.